



PELAN STRATEGIK MAJLIS PERBANDARAN KAJANG 2015-2020



PERUTUSAN YANG DIPERTUA MPKj



Tuan Mohd Sayuthi Bin Bakar S.M.S.
Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kajang

Assalamualaikum dan salam sejahtera

U saha jabatan mewujudkan Pelan Strategik 2015-2020 ini merupakan suatu inisiatif untuk merangka perancangan ke arah meningkatkan sistem penyampaian dan perkhidmatan di samping meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan jabatan kepada masyarakat. Menerusi Pelan Strategik ini, beberapa teras digariskan agar matlamat pengwujudan pelan ini dapat disasarkan kepada semua golongan yang terlibat selain dapat memperkasakan tadbir urus organisasi. Bagi menyediakan perkhidmatan perbandaran dan infrastruktur yang berkualiti, aspek kediaman yang

kondusif digariskan sebagai matlamat utama dalam pelan ini agar dapat membantu melancarkan aktiviti harian penduduk Kajang. Justeru, dengan wujudnya kediaman yang kondusif ini, perkembangan ekonomi di kawasan pentadbiran MPKj dapat ditingkatkan selain merealisasikan pembangunan yang terancang dan mampan. Secara tidak langsung, pelaksanaan pelan strategik ini juga dapat memacu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih berkualiti di masa hadapan dengan pengwujudan komuniti yang responsif dan bertanggungjawab sesuai dengan moto Beretika Kehidupan Berkualiti. Aspek inovasi dan teknologi dalam Pelan Strategik ini juga turut dibudayakan sesuai dengan kehendak dan keperluan hari ini. Menerusnya, keberkesanan, kecekapan, kepantasan dan keberhasilan dalam sebarang urusan berkaitan dapat ditingkatkan selain turut menjimatkan kos dan masa. Akhir kata, saya mengajak semua pihak terutamanya warga organisasi dan ahli-ahli pengurusan Majlis untuk bersama-sama saya dalam melaksanakan segala inisiatif yang telah dirancang bagi tempoh 2015-2020 ini dengan bersungguh-sungguh dan mampan. Saya yakin dan berdoa agar Pelan Strategik MPKj 2015-2020 ini akan dapat dilaksanakan dengan jayanya selain membantu memacu MPKj ke arah mencapai kecemerlangan dan kejayaan di masa akan datang.



VISI, MISI, MOTO

VISI

BANDAR PILIHAN UNTUK DIDIAMI

MISI


MEWUJUDKAN KEDIAMAN YANG KONDUSIF DENGAN MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN INFRASTRUKTUR KE ARAH KEHIDUPAN BERKUALITI

MOTO


BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI



CARTA ORGANISASI MAJLIS



S PERBANDARAN KAJANG



PENGURUSAN TERTINGGI



- ①8
- ①6
- ①3
- ①1
- ①09
- ①07
- ①05
- ①04
- ①01
- ①01 TUAN MOHD SAYUTHI BIN BAKAR S.M.S.
Yang DiPertua
- ①02 TUAN HAJI ZAMANI AHMAD BIN HAJI MANSOR A.M.S
Timbalan Yang DiPertua
- ①03 ENCIK ZAHARI SHUKRI BIN ZAINAL
Pengarah
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
- ①04 DR. ANUAR BIN ABD WAHAB A.I.S
Pengarah
JABATAN KEJURUTERAAN
- ①05 CIK ZUNIKA BT SALEH A.I.S
Pengarah
JABATAN PERBENDAHARAAN
- ①06 DATUK NIZAM BIN SAHARI D.P.S.M
Pengarah
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
- ①07 ENCIK ABDUL HAIZUL FAISAL BIN ABDUL HAMID
Pengarah
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
- ①08 ENCIK KAMARUZAMAN BIN SALIMIN P.P.T
Pengarah
JABATAN PELESENAN & PENJAJA
- ①09 ENCIK MOHD RASHIDI BIN RUSLAN
Pengarah
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM



PENGURUSAN TERTINGGI



- 10 ENCIK MUHAMMAD RUZAINI BIN RAMLI
Pengarah
JABATAN UNDANG-UNDANG
- 11 SR. AHMAD BIN SAIRI
Pengarah
JABATAN KAWALAN BANGUNAN
- 12 ENCIK SHARIMAN BIN MOHD NOR
Pengarah
JABATAN PENGUATKUASAAN
- 13 ENCIK NOR HISHAMMUDIN BIN ISMAIL, A.N.S
Pengarah
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)
- 14 ENCIK NORAZMAN BIN ABD RAHIM
Pengarah
JABATAN LANDSKAP DAN REKREASI
- 15 PUAN SITI ROSEMAWAR BT MOHD SAHI
Pengarah
JABATAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)
- 16 PUAN NOR SHUHADAH BT BUANG
Pengarah
UNIT AUDIT DALAM
- 17 ENCIK KAMARUL IZLAN BIN SULAIMAN
Pegawai Tadbir
UNIT PERANCANGAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
- 18 ENCIK MOHD SHAHRIL BIN RAPKAH
Pegawai Tadbir
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT



ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN

2000

- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2000

2001

- PENGIKTIRAFAN MS ISO 9002:1994
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2001

2002

- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2002

2003

- PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2000
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2003

2004

- JUARA BOLA SEPAK SKT PERINGKAT NEGERI
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2004

2005

- JUARA BOLA SEPAK SKT PERINGKAT NEGERI
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2005

2006

- MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASSESSMENT (MGPSWA) – 2 Bintang
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2006

2007

- MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASSESSMENT (MGPSWA) – 3 Bintang
- JUARA BOLA SEPAK SKT PERINGKAT NEGERI
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2003

ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN

2008

- PERBARISAN MAAL HURAH (TEMPAT KE-3)
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2008

2009

- PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
- STAR RATING PENGIKTIRAFAN 3 BINTANG KEPADA 4 BINTANG OLEH YB MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN)
- 4 BINTANG PENGIKTIRAFAN OLEH MALYSIAN GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES
- ASSESSMENT 2009 DARIPADA MULTIMEDIA DEVELOPMENT CORPORATION (MDEC)
- TOP 5 ONLINE SERVICES DARIPADA MDEC
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2009

2010

- ANUGERAH PENARAFAN 5 BINTANG "PROJEK MANAGED PORTAL SERVICES" MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS AND WEBSITES ASSESSMENT 2010
- JOHAN PENGLIBATAN KOMUNITI PERTANDINGAN ZON BERSIH PBT NEGERI SELANGOR TAHUN 2010
- ANUGERAH KHAS JURI PERTANDINGAN KAWAD SEMPENA ULANG TAHUN MBPJ KE 4
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2010

2011

- NAB JOHAN PERTANDINGAN KAWAD FORMASI SEMPENA ULANG TAHUN MBPJ KE 5
- ANUGERAH KECERMELANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUUN TABILITI TAHUN 2011 BERTARAF 4 BINTANG
- ANUGERAH MALAYSIA GOVERNMENT PORTAL & WEBSITE ASSESSMENT (MGPWA) BERTARAF 5 BINTANG
- STAR RATING 4 BINTANG
- KEJAYAAN PELAKSANAAN MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) TAHUN 2011
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2011
- JOHAN PENGLIBATAN KOMUNITI DAN ANUGERAH KHAS PERTANDINGAN ZON BERSIH PBT NEGERI SELANGOR TAHUN 2011

2012

- ANUGERAH MALAYSIA GOVERNMENT PORTAL & WEBSITE ASSESSMENT (MGPWA) BERTARAF 5 BINTANG
- ANUGERAH KECERMELANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUUN TABILITI TAHUN 2011 BERTARAF 4 BINTANG
- SUJIL KETUA AUDIT NEGARA PENYATA KEWANGAN TAHUN 2012
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2012
- THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS BIGGEST SATAY STICK TAHUN 2012

2013


- KERJASAMA DAN MEMBANTU PEMBANGUNAN PROJEK PELABURAN DI SELANGOR TAHUN 2013
- UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK SPRM BERSAMA AGENSI-AGENSI PENGUATKUASAAN NEGERI SELANGOR 2013 - TEMPAT KETIGA
- SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUSA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2013 BERTARAF 4 BINTANG
- SUJIL PENGHARGAAN ANUGERAH BANDAR MAMPAH TAHUN 2013
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2013
- JOHAN PENGLIBATAN KOMUNITI PERTANDINGAN ZON BERSIH PBT NEGERI SELANGOR TAHUN 2013
- ANUGERAH MALAYSIA GOVERNMENT PORTAL & WEBSITE ASSESSMENT (MGPWA) BERTARAF 5 BINTANG

2014

- KERJASAMA DALAM MENJAYAKAN SISTEM SEMAKAN INDIVIDU (SSMI)
- SUJIL TAUJAH MALAYSIA TRUSTMARK SEKTOR AWAM TAHUN 2014
- THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS FIRST TEAM TO CYCLE ACROSS KARIKORAM HIGHWAY TAHUN 2014
- SUJIL PENGHARGAAN ANUGERAH BANDAR MAMPAH TAHUN 2014
- ANUGERAH KECERMELANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASARKAN INDEKS AKAUUN TABILITI TAHUN 2014 MAJLIS PERBANDARAN KAJANG - 4 BINTANG
- SUJIL AUDIT PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2014
- ANUGERAH MALAYSIA GOVERNMENT PORTAL & WEBSITE ASSESSMENT (MGPWA) BERTARAF 5 BINTANG

2015

- THE MALAYSIA BOOK OF RECORDS
LONGEST SATAY LINE TAHUN 2015
- GUINNESS WORLD RECORD THE LARGEST
HOLLALL TAHUN 2015



YANG DIPERTUA MPKj

HAJI MD YUSUF BIN BADUL
1 JUN 1997 - 15 MEI 2000



MOHD YUSOP BIN MAT JUDIN
1 JULAI 2000 - 15 SEPT 2003



**HAJI MUHAMMED KHUSRIN
BIN HAJI MUNAWI**
1 OGOS 2004 - 31 MEI 2005



TARMEDI BIN HAJI OMAR
16 NOV 2003 - 15 JULAI 2004



**DATO' HASAN NAWAWI BIN
ABDUL RAHMAN**
16 FEB 2007 - 8 DIS 2014
(BERSARA)



**HAJI ZAINAL ABIDIN BIN
ARSHAD**
1 OGOS 2005 - 28 FEB 2007



MOHD SAYUTHI BIN BAKAR
7 JANUARI 2015 - KINI



SEJARAH MPKj

Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) telah ditubuhkan secara rasminya pada 1hb Januari 1997. Sebelum dinaiktaraf Perbandaran, MPKj dikenali sebagai Majlis Daerah Hulu Langat yang mana ianya telah beroperasi sejak 1hb Januari 1986 di bawah Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Kawasan pentadbirannya meliputi Mukim Kajang, Mukim Cheras, Mukim Semenyih, Mukim Beranang dan Mukim Hulu Langat.

Rasionalnya, penubuhan MPKj adalah sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang dinamik dimana dapat merancang dan membangunkan kawasan Kajang secara pesat dan teratur. Ini berikutan pertambahan penduduk di Mukim Kajang yang semakin pesat dari tahun ke tahun. Selain itu, penubuhan MPKj bersesuaian kerana semakin banyak pembukaan kawasan-kawasan perumahan dan pembangunan projek mega di sekitar pentadbiran MPKj.

Majlis Perbandaran Kajang kini mempunyai beberapa rangkaian pejabat-pejabat kecil / cawangan iaitu di Bandar Tun Hussein Onn Cheras, Hentian Kajang, Jalan Reko dan Kajang Sentral. Luas kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang adalah seluas 78,761 hektar (787.61 km persegi).




SEJARAH MPKj


MPKj sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), sentiasa berusaha mensejahterakan hubungan dengan Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah pemegang berkepentingan yang menyusun dasar-dasar yang merangkumi pelbagai aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan untuk digunakan oleh PBT-PBT seluruh negara termasuk MPKj.

MPKj dan Bandar Kajang memiliki beberapa keunikan serta faktor pembeza. Sate Kajang adalah jenama komersial di seluruh negara dan juga luar negara. Dari segi

geografinya, kawasan MPKj disempadani Kuala Lumpur yang merupakan pusat perdagangan Malaysia dan Putrajaya yang merupakan pusat pentadbiran negara. Selain itu, MPKj dikelilingi oleh 3 negeri di semenanjung iaitu Pahang Darul Makmur, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan Darul Khusus. Kawasan Kajang juga beruntung kerana di dalamnya terdapat pelbagai institusi pengajian tinggi yang menjadikannya berpotensi tinggi sebagai Bandar Keilmuan yang memberi manfaat kepada warganya.




LATARBELAKANG DAN KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN MPKj



GUNATANAH SEDIADA KAWASAN PENTADBIRAN MPKj

Jenis Guna Tanah	Luas (Hektar)	%
Tepubina		
Kediaman	7,854.57	9.97
Industri	2,953.58	3.75
Perniagaan dan Perkhidmatan	514.58	0.65
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	2,833.84	3.60
Infrastruktur dan Utiliti	1,310.53	1.66
Tanah Lapang dan Rekreasi	1,740.67	2.21
Pengangkutan	5,245.15	6.66
Jumlah	22,452.92	28.51
Bukan Tepubina		
Tanah Kosong	3,390.89	4.31
Pertanian	17,334.89	22.10
Hutan	35,343.93	44.87
Badan Air	238.37	0.30
Jumlah	56,308.08	71.49
Jumlah Keseluruhan	78,761.00	100.00



Mukim	Luas
Kajang	9,298
Cheras	5,931
Semenyih	9,557
Beranang	6,190
Hulu Langat	29,448
Hulu Semenyih	18,337
Jumlah	78,761

- Majlis Perbandaran kajang mempunyai kawasan pentadbiran seluas 78,761 hektar (787.61 km persegi).
- Ia merangkumi keseluruhan Daerah Hulu Langat iaiti Mukim Kajang, Cheras, Semenyih, Beranang, Hulu Langat, Hulu Semenyih kecuali Mukim Ampang

* **Sumber -**
Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj 2015



JUMLAH PENDUDUK DAN PEGANGAN

PENDUDUK DI KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

- Berdasarkan unjuran, jumlah penduduk MPKj bagi tahun 2014 adalah seramai 884,981 orang.

MUKIM	BILANGAN PENDUDUK	%
Kajang	55,399	6.26
Cheras	272,043	30.74
Semenyih	381,161	43.07
Beranang	111,088	12.53
Hulu Langat	61,506	6.95
Hulu Semenyih	3,784	0.45
Jumlah	884,981	100

Unjuran Penduduk MPKj 2014 berdasarkan unjuran Jabatan Perangkaan Malaysia 2010.

** Sumber -
Jabatan Perancangan Pembangunan MPKj 2015*

JUMLAH PEGANGAN MAJLIS PERBANDARAN KAJANG



** Sumber -
Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKj 2015*



SEJARAH SATE KAJANG



JENIS-JENIS SATE KAJANG

Perkembangan di dalam teknologi makanan telah menghasilkan pelbagai jenis sate selain ayam dan daging antaranya:

1. Sate Ikan
2. Sate Arnab
3. Sate Paru
4. Sate Tulang Ayam
5. Sate Perut Lembu
6. Sate Kambing
7. Sate Ayam Turki
8. Sate Hati Lembu
9. Sate Rusa
10. Sate Kaki Ayam
11. Sate Hati Ayam
12. Sate Tongkeng Ayam
13. Sate Itik
14. Sate Perut Babat
15. Sate Limpa

Sate di Kajang dipelopori oleh Tasmin bin Sakiban pada tahun 1917. Beliau berasal dari Pulau Jawa, Indonesia. Pada tahun 1914, Tasmin tiba di kajang melalui Sungai Langat dan beliau berlabuh di tebing Sungai Jelok (belakang Plaza Metro sekarang). Haji Nor @ Wak Darmon, iaitu bapa saudara Tasmin yang mengajaknya datang ke Kajang. Adik kandung Tasmin, iaitu Rono Bin Sakiban sampai ke Kajang lebih awal lagi, iaitu pada tahun 1911. Tasmin memulakan perniagaan di Kajang dengan menjual sup dan nasi kepal atau ketupat.

Sate dijual secara berkandar di sekitar kawasan Kajang dari Kampung Paya, Batu 14 hingga Pekan Kajang. Penjaja sate ini akan menyinggah ke rumah-rumah yang memanggilnya disepanjang perjalanan. Rono turut membantu Tasmin untuk menjual sate secara sambilan. Beliau bekerja di ladang getah di beberapa tempat seperti di West Country, Kajang. Maklumbalas daripada pelanggan telah mengubah cara sate disajikan. Haji Tasmin memperkenalkan mangkuk besar dan mangkuk-mangkuk kecil untuk setiap pelanggan. Para pelanggan tidak lagi berkongsi mangkuk untuk mencelup kuah. Kemudiannya mangkuk kecil dan cili disediakan untuk pelanggan yang inginkan rasa kuah yang lebih pedas. Ada pendapat yang mengatakan Wak Jono Darmon juga menjalankan perniagaan sate selepas Tasmin. Perniagaan sate Wak Jono Darmon diteruskan oleh anak lelakinya Wak Bagong dan menantu lelakinya Rono Sakiban

** Sumber -*

Jabatan Pembangunan Masyarakat MPKj 2015

ASAL USUL NAMA KAJANG

Pendapat Pertama

Kajang dipercayai telah diterokai oleh orang-orang Suku Temuan kira-kira pada tahun 1580. Suku inilah yang memberi nama Kajang berdasarkan sejenis mengkuang hutan yang digunakan untuk membuat atap. Mengkuang ini tumbuh dengan banyaknya di kawasan itu.

Pendapat Kedua

Batin Berenggal Besi merupakan seorang pembesar di Sungai Ujong dan beliau pernah mendirikan pondok-pondok di pinggir sungai yang terletak di kawasan Kajang sekarang. Pondok-pondok tersebut menggunakan atap mengkuang. Kemudiannya, beliau mendapati tempat itu sesuai dijadikan penempatan. Sempena bentuk atap mengkuang lipat kajang pondok yang didirikan itulah lahirnya nama Kajang.

Pendapat Ketiga

Menurut satu riwayat, perkataan 'berkajang' bagi orang Mandailing bermaksud berpondok. Menurut orang Bugis pada perkataan itu bermaksud 'bertikam atau bergaduh'. Kedua-dua puak ini pernah bertikaman di salah sebuah kawaan bukit berhadapan stesen keretapi yang ada sekarang kerana salah faham tentang maksud perkataan 'berkajang'. Peristiwa ini berlaku semasa kedua-dua golongan ini menghulu Sg. Langat kerana melarikan diri daripada perang saudara yang berlaku di Kelang di antara tahun 1867 hingga 1873. Setelah peristiwa tersebut tempat ini diberi nama Kajang.



** Sumber -
Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan
Awam MPKj 2015.*



BERETIKA KEHIDUPAN BERKUALITI



TERAS STRATEGIK



KERANGKA TINDAKAN HALA TUJU

VISI

MISI

MEMPERKASA
TADBIR URUS
ORGANISASI

MEMBUDAYAKAN
INOVASI
DAN
TEKNOLOGI

MEWUJUDKAN
KOMUNITI YANG
RESPONSIF DAN
BERTANGGUNG-
JAWAB

PERKHIDMATAN
PERBANDARAN
BERKUALITI

PEMBANGUNAN
TERANCANG
DAN MAMPAN

**PERKHIDMATAN & PENGURUSAN
PELANGGAN**

TADBIR URUS TERBAIK



PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
1. Memperkukuhkan akauntabiliti pengurusan kewangan	Kewangan	1. Pematuhan peraturan kewangan yang digunakan 2. Pengauditan secara berkala - Pengurusan Kewangan - Pengurusan Perolehan dan Pengurusan Aset Inventori/Stor	Setiap tahun Setiap tahun	Perbendaharaan/ Audit Dalam	Mengekalkan pengiktirafan tanpa teguran dan mengekalkan pengiktirafan 4 Bintang Indeks Akauntabiliti	Melahirkan warga kerja berpengetahuan dan berkemahiran serta yang kedudukan kewangan bagi memantapkan mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian yang lebih efektif
2. Meningkatkan kutipan cukai taksiran	Kewangan	1. Penilaian semula dan Semakan kadar Baru 2. Penguatkuasaan undang-undang ke atas pemilik harta - Sita - Notis	Januari 2016 Setiap Tahun	JPPH Hasil	Pertambahan hasil bagi cukai taksiran sekurang-kurangnya 15% Meningkatkan kutipan cukai (semasa dan tunggakan sehingga 95%)	
3. Meningkatkan hasil bukan cukai	Kewangan	1. Menyemak semula kadar sewaan mengikut kadar pasaran sewa semasa	Tahun 2016	JPPH	Peningkatan hasil sewaan sebanyak 50% dari kadar sewa sedia ada	
		2. Meningkatkan kadar penghunian premis perniagaan milik majlis	Tahun 2016	JPPH	Kadar penghunian 95%	
		3. Program Pemutihan Premis/ Penjaja Tidak Berlesen	4 kali setahun	Pelesenan	Peningkatan peratus kutipan lesen tahunan sebanyak 30%	
		4. Pertambahan petak letak kereta berbayar	4 kali setahun	Hasil	Penambahan 3000 petak setahun	
		5. Pemutihan billboard / papan iklan	Sepanjang Tahun	JPPH	Peratus kutipan meningkat sebanyak 75%	
		6. Pengurusan semula penjaja tanpa kebenaran	2016 - 2020	Pelesenan		
4. Mengenalpasti sumber hasil baru	Kewangan	1. Mengenalpasti tapak perniagaan baru untuk dibangunkan	Tahun 2017	JPPH	3 tapak premis perniagaan	
5. Memantapkan perancangan pembangunan organisasi dan modal insan	Sumber Manusia	1. Mewujudkan pelan induk latihan kakitangan	Tahun 2019	JKP	Kakitangan dapat menjalani latihan 7 hari setahun	
		2. Penstrukturan semula perjawatan	Tahun 2018	JKP	Pertambahan kakitangan mengikut perkembangan organisasi	
6. Penguatan budaya prestasi tinggi	Sumber Manusia	1. Menambah prosedur-prosedur dalam pensijilan MS ISO	Tahun 2017	JKP	Mengekalkan pensijilan MS ISO	
7. Membudayakan Amalan kerja yang sistematik	Sumber Manusia	1. Melaksanakan amalan 5S	Tahun 2016	UPKPA	Meluaskan pelaksanaan 5S terhadap keseluruhan Jabatan	
		2. Melaksanakan Amalan EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam)	Tahun 2018	UPKPA	Pengiktirafan EKSA ke atas Jabatan yang telah diiktiraf 5S	



TERAS STRATEGIK

MEMPERKASA TADBIR URUS ORGANISASI

PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
8. Kemudahan kepada kakitangan	Sumber Manusia	1. Penyediaan kuarters kakitangan yang selamat dan selesa	Tahun 2018	JKP	Pembinaan kuarters kakitangan	Melahirkan warga kerja berpengetahuan dan berkemahiran serta kedudukan kewangan yang stabil bagi memantapkan mutu perkhidmatan dan sistem penyampaian yang lebih efektif
9. Penguatkuasaan pematuhan undang-undang	Penguatkuasaan	1. Operasi khas lambakan kenderaan buruk	Januari 2017	Penguatkuasa	Mengurangkan 60% aduan berkenaan kenderaan buruk	
		2. Operasi khas pusat hiburan dan judi	Tahun 2017	Penguatkuasa	Mengurangkan 80% aduan pusat hiburan dan judi	
		3. Memperluaskan jabatan dengan penambahan anggota/ logistik	Tahun 2017	Penguatkuasa	Mendidik masyarakat celik undang-undang dan pemantauan secara menyeluruh	
10. Meningkatkan imej korporat	Korporat	4. Penjenamaan semula	Tahun 2017	UPKPA	Peratus kepuasan pelanggan meningkat	
11. Mengukuhkan kesedaran integriti	Integriti	1. Ikrar Integriti 2. Ceramah 3. Kempen/ promosi 4. Pemeriksaan mengejut	2016 - 2020	JKP	Penurunan kes salah laku dan aduan salah laku kakitangan	



PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
1. Memantapkan kesedaran inovasi	Inovasi	1. Menjadikan inovasi sebagai budaya kerja organisasi melalui aktiviti - aktiviti kempen, pameran, ceramah dsb	Disember 2016	Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan	2 Program	Memantapkan sistem perkhidmatan dan kebolehan pencapaian maklumat atas talian secara berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan konsisten
2. Membudayakan inovasi dikalangan warga MPKj	Inovasi	1. Kursus dan latihan pengurusan inovasi 2. Mewujudkan kumpulan inovasi 3. Penyertaan kumpulan inovasi dalam pertandingan	3 program sehingga Januari 2016	Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan	1. Program latihan di setiap jabatan 2. Tertubuh kumpulan inovasi 3. Pengiktirafan / Sijil Penghargaan	
3. Meningkatkan penggunaan teknologi dalam proses kerja	Teknologi	1. Menaiktaraf sistem-sistem aplikasi sedia ada	2017	BTM	1. Sistem yang dicadangkan untuk dinaik taraf : 2016 - Perakaunan 2017 - Taksiran 2018 - Sewaan 2019 - Cagaran 2020 - Gaji & personalia	
		2. Menaiktaraf rangkaian ICT di MPKj	2017	BTM	2. Menaiktaraf cabling rangkaian dari CAT 5E kepada CAT 6 termasuk fibre backbone.	
		3. Menaiktaraf bilik server MPKj	2018	BTM / Kejuruteraan	3. Pemasangan raise floor dan bantuan Unit Elektrikal MPKj melibatkan pemasangan back up elektrik (gen set).	
		4. Menaiktaraf infrastruktur ICT	Sepanjang tahun	BTM	4. Perkakasan komputer, mesin pencetak, laptop, scanner, server, Sistem Operasi (Microsoft office), Adobe Photo-shop dan lain-lain.	
		5. Kursus Kemahiran ICT kakitangan	Sepanjang tahun	BTM / Latihan	5. Seminar/ Bengkel / Teknologi ICT	
6. Pengurusan Teknologi Hijau	2017	BTM	6. Rangkaian peralatan ICT yang melibatkan perkongsian pencetak			
7. Membangunkan sistem pemantauan/kawalan berasaskan teknologi terkini	2020	JLR / BTM	7. Aplikasi pemantauan dan kawalan iaitu :- i. Aplikasi Pemantauan Fail ii. Aplikasi Web GIS iii. Aplikasi Permohonan Tadika iv. Menggunakan satelit imej bagi tujuan kawalan perancangan v. Perkongsian data dari penggunaan server GIS			



TERAS STRATEGIK

MEMBUDAYAKAN INOVASI DAN TEKNOLOGI

PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
		8. Mewujudkan sistem jadual penyelenggaraan pokok yang sistematik	2016 - 2020	JLR / BTM	1. Lantikan panel kontraktor di setiap mukim 2. Pelaksanaan kerja menggunakan teknologi berinovasi tinggi.	Memantapkan sistem perkhidmatan dan kebolehan capaian maklumat atas talian secara berterusan bagi meningkatkan perkhidmatan konsisten
4. Mewujudkan mekanisme pengumpulan idea inovasi dan hebahan	Inovasi	1. Pertandingan inovasi peringkat MPKj. 2. Menyediakan saluran (input dari awam) secara online di laman web Jabatan 3. Hari Inovasi 4. Web (Muat turun bahan terbitan Jabatan) 5. Mewujudkan peti cadangan	Sekali setiap tahun Disember 2015 Satu kali setahun Sepanjang tahun	Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan Unit Inovasi, Jabatan Khidmat Pengurusan	1. 2 produk inovasi setahun 2. Input awam 3. 2 program 4. Maklumat inovasi	



TERAS STRATEGIK MEWUJUDKAN KOMUNITI YANG RESPONSIF DAN BERTANGGUNGJAWAB

PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
1. Memperkasa peranan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)	Komuniti	1. Meningkatkan Pengurusan MPP 2. Menetapkan Sasaran Kerja Tahunan MPP 3. Mesyuarat Bulanan MPP 4. Perjumpaan Bersama Ahli Majlis 5. Menyediakan program berbentuk Sukan, Kerohanian, Sosial, Usahawan dan Kemasyarakatan	Januari 2016	Semua Jabatan	1. Menyediakan 24 ruang Pejabat MPP 2. Menyediakan Buku Sasaran Kerja Tahunan 3. Mengadakan mesyuarat 12 kali setahun 4. Mengadakan perjumpaan 4 kali setahun 5. Mengajukan program MPP 5 kali setahun	Malahirkan komuniti yang proaktif dan berwawasan
2. Memperkasa peranan NGO	Komuniti	1. Bekerjasama dengan pelbagai NGO's dalam mempelbagaikan aktiviti berbentuk komuniti - Sahabat Alam Sekitar - Pencinta Haiwan - Warga Emas 2. Mewujudkan pusat aktiviti NGO	Januari 2016	JPM NGO	Program 4 kali setahun	
3. Mempertingkatkan tahap kesedaran penduduk terhadap kemudahan awam dan rekreasi	Komuniti	1. Program 'Padang Angkat'	Januari 2016	JLR	1. Program penyerahan 5 kali setahun	
		2. Program 'Pokok Angkat'	Januari 2016	JLR	2. Program penyerahan 5 kali setahun	
		3. Kempen Kesedaran	Januari 2016	JLR	3. Program kempen 10 kali setahun	
		4. Penyediaan risalah berkaitan meningkatkan kesedaran masyarakat	Januari 2016	JLR	4. Penerbitan 2 kali setahun	
		5. Kempen kesedaran menurunkan banner/ banting haram	2015	Penguatkuasa	5. Mengurangkan bilangan iklan banting haram	
4. Meningkatkan pengurusan bangunan berstrata	Komuniti	1. Menyediakan latihan kepada Jawatankuasa Program JMB/MC	2016	COB	70% Jawatankuasa/ MC/ JMB mendapat latihan	
		2. Menyediakan starter kit kepada Jawatankuasa Program JMB/MC baru ditubuhkan	2016	COB	100% Jawatankuasa/MC/ JMB menerima starter kit	
5. Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam program MPKj	Komuniti	1. Melaksanakan Program Local Agenda 21 berdasarkan - Pembangunan Sosial dan Kesedaran - Pembangunan infrastruktur dan keselamatan - Pemeliharaan Alam Sekitar	2016	JPM	Perlaksanaan 10 Program Setahun	
		2. Penyelarasan permohonan dan bantuan gotong-royong	2016	JPM	200 gotong royong setahun	



TERAS STRATEGIK

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN BERKUALITI

04

PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
1. Meningkatkan tahap kebersihan melalui peningkatan prestasi pembersihan awam dan sisa pepejal	Perkhidmatan Perbandaran	1. Menambahbaik spesifikasi kerja dalam kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam	2016 - 2020	JPSPPA	1. Mengurangkan aduan sehingga 80% aduan	Menghasilkan sistem perkhidmatan perbandaran dan kemudahan infra yang terbaik serta efisien
2. Memperluas pelaksanaan program kitar semula	Perkhidmatan Perbandaran	1. Menguatkuasa program pengasingan sampah kitar semula	2018-2020	JPSPPA	1. 70% penduduk melaksanakan pengasingan sampah secara mandatori	
		2. Menguatkuasakan semua premis makanan, melaksanakan kitar semula minyak masak	2016-2020	JPSPPA	2. Mengurangkan sisa pembuangan minyak ke dalam sistem saliran	
3. Memperkukuhkan kawalan persekitaran dan kesihatan awam	Kesihatan awam	1. Pemeriksaan bersepadu premis makanan bagi tujuan pengedaran	2017 - 2020	JPSPPA	3. Peningkatan pengedaran premis makanan bagi kategori B dan ke atas sebanyak 70% daripada premis makanan yang dilesenkan	
		2. Aktiviti bersepadu membasmi wabak denggi	2018 - 2020	JPSPPA	4. Menurunkan bilangan kes wabak denggi	
		3. Membanteras kacauganggu (anjing liar)	2018 - 2020	JPSPPA	5. Dapat menurunkan jumlah aduan	
4. Meningkatkan Kualiti Penyelenggaraan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam	Kejuruteraan	1. Menurap jalanraya taman perumahan mengikut spesifikasi	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	1. Jalanraya taman perumahan diturap setiap 10 tahun sekali	
		2. Menaiktaraf sistem perparitan taman perumahan yang melebihi 20 tahun	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	2. 50% sistem perparitan taman perumahan yang melebihi 20 tahun dinaiktaraf	
		3. Penyediaan kemudahan awam seperti dewan/ balairaya/pusat komuniti	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	3. Menambah bilangan kemudahan dewan /balairaya dan kemudahan awam di kawasan yang memerlukan	
		4. Melaksanakan lantikan panel penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	4. Kurangkan aduan kerosakan	
		5. Mewajibkan bagi pembangunan baru berskala besar menggunakan lampu LED	2015 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	5. Mengurangkan kos penyelenggaraan dan menjimatkan tenaga	
5. Mempertingkatkan kualiti pengurusan kemudahan rekreasi dan Penyelenggaraan Landskap	Landskap	1. Menaiktaraf kemudahan rekreasi di kawasan lapang taman perumahan	2016 - 2020	J.L.R.	3 kawasan setahun	
		2. Menambah baik spesifikasi kerja dalam taman rekreasi dan landskap lembut.	2016 - 2020	J.L.R.	Kurangkan aduan	
		3. Melaksanakan penyelenggaraan pokok-pokok teduhan secara berjadual	2016 - 2020	J.L.R.	Mengurangkan aduan dan risiko kemalangan	

TERAS STRATEGIK MEREALISASIKAN PEMBANGUNAN TERANCANG DAN MAMPAN

PROGRAM	BIDANG FOKUS	AKTIVITI	SASARAN	PELAKSANA	OUTPUT	OUTCOME
1. Melaksanakan konsep bandar selamat	Perancangan	1. Pelaksanaan <i>Crime Prevention Through enviromental design</i>	100% pelaksanaan bagi pembangunan baru yang terlibat	JPP	Tingkatkan tahap keselamatan penduduk; kurangkan kadar jenayah	Menyediakan pembangunan yang harmoni dan lestari
		2. Pelaksanaan MURNI-NET	Pencapaian markah minima 90% keatas	JPP	Bandar Mampam	
2. Pelaksanaan <i>Low Carbon City Dan Green Building</i>	Perancangan	1. Penyediaan garis panduan bagi mengukur tahap karbon semasa	Dis 2016	JPP	Kurangkan kadar pelepasan Carbon (monoxida/oxida)	
		2. Mensyaratkan Pemaju laksanakan LCC/GB dalam pembangunan baru	10%/tahun daripada KM baru diluluskan	JKB	Sekurang-kurangnya 10%	
3. Pelaksanaan rangka kerja bandar rendah karbon	Perancangan / Kejuruteraan	1. Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik bg Rangkaian Lalulintas Bandar Kajang	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	1. Naik taraf jalan dan sistem trafik	
		2. Penyediaan Pelan Pengurusan trafik bg Rangkaian Lalulintas Bg Sg Long/ BNDAR Mahkota Cheras	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan	-sda-	
4. Penyediaan jaringan jalanraya yang sistematik bagi pembangunan baru dan sediada	Perancangan / Kejuruteraan	2. Pembinaan jaringan jalan berdasarkan kepada rancangan tempatan dan juga kajian impak trafik (TIA)	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan		
5. Meningkatkan keselamatan dan kestabilan cerun	Perancangan / Kejuruteraan	1. Inventori cerun	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan		
		2. Peta risiko bencana cerun	2016 - 2020	Jabatan Kejuruteraan		
		3. Mewajibkan pemaju memantau cerun-cerun dalam kawasan masing-masing selama 5 tahun	Setahun 2 kali	Jabatan Kejuruteraan		
6. Mewujudkan perancangan fizikal memenuhi kehendak semasa	JPP	1. Memastikan pembangunan yang dijalankan mematuhi Rancangan Tempatan (RT) sedia ada	2016 - 2020	JPP	90% pematuhan RT meningkat	
		2. kajian perubahan Rancangan Tempatan (RT) mengikut keperluan semasa	2016 - 2020	JPP	Kehidupan lebih baik	
		3. Penyediaan garis panduan kawasan berisiko tanah runtuh	2016	JPP	Memudahkan proses membuat keputusan permohonan pembangunan	
		4. Penyediaan pelan induk kawasan industri tanpa kebenaran 2016	2016	JPP	Pembangunan industri lebih teratur	
		5. Kajian penempatan kilang-kilang berisiko dilembangan Sungai Langat dan Sungai Semenyih	2016	JPP	Mengurangkan kes-kes pencemaran sumber air mentah	

MAJLIS PERBANDARAN KAJANG

Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih,
Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.
Tel : +603-8737 7899 / 0112 / 0171 / 1714 Faks : +603-8737 7897
Laman Web : www.mpkj.gov.my

